



## PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan  
Labuan Tel: 087- 408600/087-408601 Faks: 087-428997/087-419400/087-426803  
Laman Web: [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### SUMBANGAN KHAS BAGI PROGRAM KEBUN KOMUNITI KITA@WP SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2024

**LABUAN, 18 Februari 2024** – Seramai 50 kariah Masjid Kg. Layang-Layangan menerima manfaat menerusi program Kebun Komuniti Kita@WP sempena Hari Wilayah Persekutuan 2024. Sumbangan keseluruhan berjumlah RM50 ribu berupa input pertanian diberikan kepada Kebun Komuniti Kg. Layang-Layangan bagi pembinaan fertigasi meja yang disampaikan oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) kepada wakil kariah Masjid Layang-Layangan iaitu Tuan Haji Abbas bin Haji Khalidin.

Kebun Komuniti Kg. Layang-Layangan yang berkeluasan 410 meter persegi menanam pelbagai tanaman seperti jagung, limau kasturi, terung dan telah beroperasi semenjak 2022. Hasil tanaman di kebun komuniti tersebut membantu menjana dan meningkatkan ekonomi sara hidup kariah masjid dan komuniti setempat. Jabatan Pertanian Labuan sentiasa memberikan latihan dan pendedahan mengenai kaedah penanaman dan penjagaan tanaman kepada pengusaha kebun komuniti di kampung ini.

Kaedah pertanian fertigasi meja ini merupakan kaedah yang sangat berkesan dalam penyaluran nutrien terus kepada akar tanaman melalui kaedah irigasi. Ini secara tidak langsung membantu mengurangkan pembaziran air dan memastikan tanaman menerima kuantiti air yang sesuai. Fertigasi meja juga membolehkan kawalan nutrien yang lebih baik berdasarkan keperluan tanaman pada setiap peringkat pertumbuhan. Kaedah penanaman ini juga membantu mencegah kekurangan atau kelebihan nutrien yang boleh membawa kepada masalah kesihatan tanaman. Pada masa yang sama pengusaha juga dapat mengawal faktor-faktor seperti kelembapan tanah, suhu, dan pH, yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan tanaman. Meskipun pelaburan awal sistem fertigasi ini mungkin tinggi jika dibandingkan dengan kaedah konvensional, namun keuntungan jangka panjang dapat diraih melalui peningkatan hasil dan pengurangan kos penggunaan sumber seperti air dan nutrien.

Jabatan Pertanian Labuan dengan kerjasama PL memperkenalkan kaedah ini kepada komuniti Kg. Layang-Layangan untuk meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian yang akan membantu menjana dan meningkatkan ekonomi kos sara hidup kariah masjid dan komuniti setempat. Semoga kaedah pertanian fertigasi ini menarik minat lebih ramai warga WP Labuan untuk berkecimpung dalam aktiviti kebun komuniti sebagai sumber pendapatan tambahan.

**Disediakan oleh:  
Perbadanan Labuan  
18 Februari 2024**